

Siapa untung jika pembangkang pilih ‘free for all’

Konsep free for all yang dibangkitkan PAS, jika pembangkang gagal mencapai konsensus dalam isu pengagihan kerusi dijangka memberi kelebihan kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Bersandarkan keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar, pertembungan tiga atau lebih penjuru hanya akan memecahkan undi pembangkang.

Penganalisis politik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Mohd Izani Mohd Zain, berkata konsep itu tidak memberi kelebihan kepada PAS dan pembangkang lain, sebaliknya hanya memberi kemenangan mudah kepada calon BN.

Sehubungan itu, beliau berkata jika pembangkang mahu berdepan calon BN secara lebih berkesan, mereka mesti mengorbankan perbezaan pandangan dan mengatur strategi satu lawan satu.

Bagaimanapun helau tidak menolak kemungkinan pembangkang akan membentuk pakatan pada saat akhir menjelang PRU-14 jika


terdesak untuk menumbangkan kerajaan BN.

“Pakatan pilihan raya sangat kritikal kepada pembangkang jika mereka mahu berdepan dengan BN secara lebih efektif. Contoh yang jelas boleh dilihat pada keputusan PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Sedia teroka kawasan baharu
“Jika pembangkang berupaya membentuk pakatan, ia hanya sekadar pakatan yang rapuh semata-mata untuk menghadapi pilihan raya, sekali gus menunjukkan pembangkang tidak bersedia mewujudkan pakatan yang kukuh untuk memerintah negara,” katanya ketika dihubungi semalam.

Baru-baru ini, Naib Presiden PAS, Datuk Iskandar Abdul Samad dilaporkan berkata, parti itu bersedia untuk menerokai kawasan baharu jika tiada persetujuan dicapai dalam kalangan parti pembangkang sehingga mewujudkan pertandingan *free for all*.

Sementara itu, Pengarah Pusat



Konsep itu tidak memberi kelebihan kepada PAS dan pembangkang lain, sebaliknya hanya memberi kemenangan mudah kepada calon BN”

Mohd Izani Mohd Zain,
Penganalisis politik UPM



Tanpa persetujuan semua parti dalam pakatan pembangkang, formula satu lawan satu tidak mungkin dapat dilaksanakan pada PRU-14”

**Dr Azeem Fazwan
Ahmad Farouk,**
Pengarah CenPRIS USM

Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Azeem Fazwan Ahmad Farouk, berkata sekiranya keputusan PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar diambil kira dalam percaturan politik *free for all*, PRU-14 dijangka memihak calon BN.

Beliau berkata, tanpa persetujuan semua parti dalam pakatan pembangkang, formula satu lawan satu tidak mungkin dapat dilaksanakan pada PRU-14, sekali gus akan memberi kesan terhadap sokongan rakyat kepada pembangkang.

“Tiada apa yang boleh dilakukan bagi mengurangkan risiko yang tidak menguntungkan kepada pembangkang jika konsep *free for all* diteruskan, khususnya membabitkan pertandingan antara PAS dan parti Amanah Negara,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, suka atau tidak, semua parti pembangkang perlu mencapai konsensus untuk mengurangkan risiko kerusi berpindah milik kepada calon BN.